

10/05/2003

Ahli Umno kenang kembali sejarah penubuhan

KUALA LUMPUR: Generasi lama dan baru Umno berharap semua ahli, terutama pewaris kepimpinan parti, menjadikan sambutan ulang tahun ke-57 Umno esok sebagai detik penting untuk mengimbau sejarah perjuangan parti.

Sehubungan itu, pemilihan Stadium Merdeka sebagai lokasi sambutan itu disifatkan amat ketara kerana stadium berkenaan menjadi tempat bergemanya laungan "Merdeka" yang diketuai Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 1957.

Tokoh veteran Umno, Tan Sri Aishah Ghani, berkata pemilihan Stadium Merdeka diharap dapat meningkatkan semangat patriotik dan cintakan parti di kalangan setiap ahli Umno.

"Ada kalangan generasi muda Umno lebih kenal Umno yang sudah besar dan maju seperti sekarang, berbanding sejarah penubuhan Umno dan perjuangan pemimpin terdahulu, seperti juga mereka lebih kenal Stadium Bukit Jalil daripada Stadium Merdeka.

"Stadium Merdekalah permulaan kepada segala-galanya dan setiap generasi muda perlu tahu. Adalah memalukan dan amat merugikan jika kita sebagai ahli Umno sendiri tidak tahu sejarah perjuangan Umno sepanjang 57 tahun usianya," katanya ketika diminta mengulas mengenai sambutan berkenaan.

Seorang lagi tokoh veteran, Tan Sri Abdul Aziz Tapa, menganggap sambutan ulang tahun ke-57 Umno amat besar maknanya kerana kemajuan serta kejayaan yang sudah dicapai oleh parti.

Semua ini, katanya, dapat direalisasikan hasil kepimpinan baik dan bijak dalam Umno dari dulu hinggalah sekarang.

"Kini terpulang kepada orang Melayu sendiri untuk mencorak masa depan Umno. Jika kita betul-betul bersatu dan mengutamakan kepentingan anak bangsa, maka akan kekalnya Umno. Jika Umno roboh, maka rosaklah Melayu," katanya.

Sementara itu, Ketua Puteri Umno, Azalina Othman Said, berkata sebagai sayap baru dalam Umno, beliau mahu setiap ahli Puteri menjadikan sambutan itu detik untuk menghayati semangat perjuangan pemimpin terdahulu yang berjaya meletakkan Umno pada kedudukan sekarang.

Generasi muda dalam Umno, katanya, bernasib baik kerana mewarisi sebuah parti yang sudah cukup kukuh dan kini terpulang kepada mereka untuk memastikan ia terus kukuh serta bertambah kuat.

Exco Pemuda Umno, Datuk Subahan Kamal, pula berkata Ahad ini bukan saja hari bersejarah bagi warga Umno, malah seluruh bangsa Melayu kerana ia hari yang mengubah nasib bangsa Melayu sehingga mampu bersaing dengan bangsa lain di negara ini serta masyarakat antarabangsa.

Katanya, setiap bangsa Melayu harus bersyukur dan menghargai Umno kerana suka atau tidak, Umno memperjuangkan nasib dan memartabatkan bangsa Melayu.

Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata kira-kira 40,000 ahli Umno akan berkumpul di Stadium Merdeka Ahad ini untuk mendengar ucap terna dan amanat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ucapan presiden parti itu dijangka menyentuh hala tuju parti sebagai pejuang utama bangsa Melayu dan negara sesuai dengan tema 'Perjuangan Sebuah Bangsa' bagi sambutan ulang tahun parti kali ini," katanya.